

10/09/1998

Isu moral pemimpin amat diutamakan

SETIAP rakyat bebas membuat tanggapan mengenai kedudukan Datuk Seri Anwar Ibrahim berasaskan kepada kenyataan penafian terhadap perilakunya, dakwaan wujudnya konspirasi politik tertinggi untuk menjatuhkannya atau gerakan reformasi yang dilancarkan. Bagi Umno, bukti kukuh mengenai kerendahan moral Anwar, sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, tidak boleh ditelan begitu saja kerana ia bukan ubat yang boleh menyembuhkan penyakit. Jika dibiarkan, ia akan menjadi wabak.

Kenyataan Dr Mahathir yang juga Presiden Umno bahawa 'perwatakannya tidak layak untuk menjadi pemimpin di negara seperti Malaysia' sudah cukup membuktikan keikhlasan beliau untuk menjelaskan senario yang membawa kepada pemecatan Anwar daripada Kabinet dan Umno. Dr Mahathir mungkin belum mendedahkan keseluruhan bukti dan apa yang sebenarnya berlaku kerana tidak mahu memalukan Anwar secara terbuka.

Daripada kenyataannya, beliau begitu beralas mengeluarkan kata-kata terhadap perilaku bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangannya itu, mungkin tidak sampai hati untuk membuka 'pekung' Anwar yang selama ini dianggap seorang yang warak dan memiliki imej Islam yang dihormati. Sekali pun segala-galanya akan terbongkar juga akhirnya, biarlah ia dilakukan mengikut proses pengadilan di mahkamah. Semua ini pun berlaku kerana Anwar tidak mahu melepaskan jawatan dan kedudukannya secara terhormat. Kegawatan yang berlaku ini mungkin dapat dielakkan jika Anwar mengambil sikap beralah.

Sekiranya kesalahan Anwar hanyalah membabitkan soal perselisihan faham mengenai pengurusan ekonomi, sekali pun masalah politik, Dr Mahathir tidak mungkin bertindak begitu drastik. Ini adalah soal bangsa, agama dan negara. Sebagaimana pengakuannya, beliau memang sudah bersedia untuk melepaskan jawatan itu kepada Anwar akhir tahun ini. Malangnya, dengan rasa tanggungjawab, beliau tidak boleh melepaskan jawatan itu kepada orang yang beliau sudah hilang keyakinan.

Andaianya, dengan membenarkan Anwar menjawat jawatan pemimpin tertinggi negara, bermakna beliau melanggar kepercayaan dan amanah rakyat untuk menentukan kepemimpinan negara pada landasan yang benar. Imej negara akan terjejas dan Malaysia akan jadi negara hipokrit. Tidak ada jaminan setelah menjadi Perdana Menteri, perbuatan sumbang yang didakwa dilakukannya akan terbongkar. Dengan kuasa yang ada, segala-galanya akan mudah ditutup.

Dengan bukti yang ada, Dr Mahathir tidak boleh bertolak ansur terhadap kesalahan yang dilakukan Anwar. Melihat kepada kandungan surat Anwar kepada Dr Mahathir berhubung isu surat layang, Anwar sendiri menyatakan Dr Mahathir menyerahkan surat itu kepadanya dengan kata-kata 'baca dan musnahkan'. Ketika itu, Dr Mahathir tidak yakin dengan fitnah yang dilemparkan kepada Anwar. Begitulah tebalnya kepercayaan Dr Mahathir terhadap anak didiknya itu. Tetapi, selepas bukti demi bukti diperolehi dan begitu yakin ada kebenarannya, Dr Mahathir bertanggungjawab menidahkan Anwar daripada menduduki jawatan itu. Tidak mustahil, disebabkan tuduhan terhadap Anwar begitu berat, Dr Mahathir sendiri mungkin menjalankan penyiasatan sendiri tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Isu moral pemimpin begitu penting dalam apa sistem pemerintahan negara dan ideologi sekali pun apatah lagi di negara yang hendak menyerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan. Persoalan ini menjadi bertambah penting kerana pemimpin yang tidak bermoral mudah menimbulkan pelbagai

konflik. Jika pemimpin cuba menegah perbuatan tidak bemarkah berlaku di negaranya, sedangkan perbuatan demikian itu menjadi amalannya sendiri, ia sudah tentu akan menimbulkan percanggahan. Disebabkan negara ini mengamalkan sistem demokrasi, pemimpin seperti itu akan mudah dicemuh, tambahan pula apabila perbuatan peribadi luar biasanya, dapat dikesan. Akibatnya Umno yang selama ini memperjuangkan nasib orang Melayu, akan dihina.

Soal karisme seseorang pemimpin bukan lagi menjadi ukuran jika pemimpin berkenaan gagal mengawal diri dan nafsu. Kewibawaan seseorang pemimpin begitu penting. Kewibawaan seseorang dinilai dari pelbagai dimensi termasuk ciri-ciri kepemimpinan unggul, bermoral, berpendidikan tinggi, cetusan idea, berwawasan, boleh dipercayai, jujur, amanah, sabar dan mendapat sokongan menyeluruh. Jika salah satu daripada ciri-ciri ini tercabar, pemimpin berkenaan boleh dianggap hilang kewibawaannya. Begitu juga seseorang yang mempunyai idealisme yang tinggi akan dipandang rendah, sebaik saja perilaku buruknya dapat dibuktikan. Idealisme seseorang untuk memajukan negara dan matlamat menjadikan rakyat supaya dipandang mulia akan terhakis, jika pemimpin tidak menunjukkan teladan yang baik.

(END)